

Kastam tumpas penyeludupan rokok, arak

Bintulu: Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) Bintulu dan Miri merampas 5.38 juta batang rokok dan 3,890.88 liter minuman keras pelbagai jenama bernilai RM4.6 juta dalam serbuan yang dijalankan ke atas sebuah gudang usang di Jalan Sungai Nyigu sekitar jam 11 pagi Khamis.

Pengarah Kastam Negeri Sarawak, Datuk Sharifah Halimah Tuanku Taha, berkata serbuan yang turut disertai Cawangan Risikan Kuching itu menemui sebuah kontena sepanjang 20 kaki dan sebuah lori lock van yang mengandungi barang seludup berkenaan.

“Modus operandi yang digunakan dalam kegiatan penyeludupan ini ialah gudang usang tanpa nama itu dijadikan lokasi penyimpanan rokok dan minuman keras bagi mengaburi mata pihak penguat kuasa,” katanya dalam kenyataan semalam.

Semua barangan rampasan akan dibawa ke pejabat penguatkuasaan JKDM Bintulu untuk tindakan lanjut.

Sharifah Halimah berkata, semasa serbuan tiada individu berada dalam gudang terbabit.

Kes ini akan disiasat mengikut Seksyen 135(1)(d) Akta Kastam 1967 kerana menyimpan barang tidak lulus kastam dan jika disabit salah, pemiliknya boleh didenda tidak kurang 10 kali ganda amaun duti kastam atau RM100,000 mengikut mana-mana amaun yang lebih besar serta tidak melebihi 20 kali ganda nilai amaun duti Kastam Kastam iaitu RM500,000.

Beliau menyeru orang awam menyalurkan maklumat dengan menghubungi Talian Bebas Tol Kastam 1-800-88-8855, melayari laman sesawang aduan awam iaitu <http://aduan.customs.gov.my> atau mana-mana Pejabat Kastam berhampiran.



Kok Chin menunjukkan minuman keras yang dirampas dalam Op Libas di Kuching, semalam.

(Foto BERNAMA)